

SKEMA JAWAPAN

**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

1. B
- 2.

Ditakrifkan sebagai (a) **KEKUASAAN TERTINGGI** sesebuah negara yang merdeka. Bebas dan mempunyai (b) **HAK** untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Kedaulatan ini membolehkan negara diterima dan (c) **DIIKTIRAF** oleh negara lain untuk menjalankan pemerintahan dan melaksanakan undang-undang.

Kedaulatan penting demi menjamin (d) **KESEJAHTERAAN** rakyat dan kemakmuran negara.

Hakikatnya, setiap negara yang berdaulat mempunyai (e) **KEKUASAAN** penuh untuk memerintah dan mentadbir negara tanpa (f) **CAMPUR TANGAN** kuasa asing.

3. Takrif mengikut bahasa	
<b>Bahasa Yunani</b>	Kedaulatan ialah supernuus atau superanus yang bermaksud agung atau tertinggi Perkataan ini merujuk negara yang bebas dan merdeka
<b>Bahasa Inggeris</b>	Kedaulatan ialah sovereignty yang bermaksud negara yang mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan
<b>Bahasa Arab</b>	Kedaulatan ialah daulah yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
<b>Bahasa Melayu</b>	Kedaulatan merujuk kepada perkataan daulat yang bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara
<b>Rumusan</b>	Kedaulatan ialah kuasa tertinggi terhadap pemerintahan sesebuah kerajaan atau negara

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

4. PADANAN TOKOH



Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara yang mempunyai sifat kekal dan mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya

Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat

Kuasa tertinggi dalam pemerintahan sesebuah negara yang tertakluk dengan undang-undang


Asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing

Kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan yang diiringi dengan kekuatan semangat beragama menyebabkan sesuatu bangsa sanggup berkorban demi mencapai cita-cita yang sama

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

5. Namakan jenis kedaulatan berdasarkan maklumat yang diberikan.



Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

**1.2 CIRI NEGARA BERDAULAT**

7. Apakah jawatan utama bagi ketua negara di Malaysia? (Buku teks m.s 8)

- A. Raja
- B. Menteri Besar
- C. Perdana Menteri
- D. Yang di-Pertuan Agong**

8. Pengenalan negara berdaulat

Setiap negara yang bebas dan (a)MERDEKA mempunyai ciri tertentu atau (b)IDENTITI bagi menentukan kedaulatannya. Negara kita mempunyai pemerintahan, (c)SEMPADAN, perundangan dan rakyat yang menjadikan negara kita sebagai sebuah negara (d)BEBAS dan berdaulat.

9. Menamakan identiti negara berdasarkan gambar yang ditunjukkan

	Identiti	Keterangan
	MEMPUNYAI PEMERINTAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong. Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri.</li> </ul>
	MEMPUNYAI SEMPADAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis pemisah antara negeri atau negara untuk memudahkan urusan pemerintahan.</li> </ul>
	MEMPUNYAI PERUNDANGAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas peraturan negara untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.</li> </ul>
	MEMPUNYAI RAKYAT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk sesebuah negara yang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan.</li> </ul>

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

**10. P1 : MEMPUNYAI PEMERINTAHAN**

**P1: Mempunyai Pemerintahan**

Ciri negara berdaulat ialah (a) mempunyai pemerintahan. Hal ini bertujuan untuk menjaga kestabilan politik, (b) pertahanan, keamanan dan ekonomi. Seterusnya, supaya pemerintahan dijalankan secara (c) teratur. Selain itu, negara kita mengamalkan sistem (d) Raja Berperlembagaan dan (e) Demokrasi Berparlimen. Ketua Utama Negara ialah (f) Yang di-Pertuan Agong. Manakala (g) Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh (h) Jemaah Menteri.

**11. P2 : MEMPUNYAI SEMPADAN**

H2a: garis pemisah antara negeri atau negara

H2b: Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran seperti Singapura, Brunei dan Indonesia

H2c: sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khasnya PBB

H2d: penetapan sempadan untuk memudahkan pelbagai urusan seperti pemerintahan, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara

**12. P3 : MEMPUNYAI PERUNDANGAN**

Di samping itu, ialah mempunyai perundangan. Hal ini kerana sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara yang berpandukan Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat. Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita

**13. P4 : MEMPUNYAI RAKYAT**

Selain itu, ialah mempunyai rakyat. Hal ini kerana rakyat merupakan penduduk di sesebuah negara. Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam. Mereka disatukan melalui satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan, Rukun Negara dan identiti nasional yang sama. Selain itu, rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.

**14. KBAT: Jelaskan kepentingan mengekalkan kedaulatan sesebuah negara? [4 markah]**

- *Mengekalkan identiti negara*
- *Memelihara kesejahteraan*
- *Kestabilan politik*
- *Mengekalkan kebebasan dan kemerdekaan*

**(Mana-mana munasabah)**

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

<p><b>Keberkesanan Pentadbiran</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keberkesanan pentadbiran adalah pemerintahan tanpa campur tangan pihak luar.</li> <li>• Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan memainkan peranan penting memastikan keberkesanan pentadbiran negara.</li> <li>• Seterusnya, mewujudkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui pengagihan kuasa.</li> <li>• Selain itu, memperkukuh sistem pentadbiran melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.</li> </ul>
<p><b>Kemakmuran Ekonomi</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar kemakmuran ekonomi hanya dapat dilaksanakan apabila negara kita berdaulat.</li> <li>• Selepas negara merdeka, pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan taraf hidup dan memajukan ekonomi.</li> <li>• Contohnya pertanian, perindustrian dan perdagangan yang diperkenalkan melalui dasar pembangunan ekonomi negara</li> </ul>
<p><b>Kesejahteraan Sosial</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar sosial dapat dilaksanakan dengan cara melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan.</li> <li>• Seterusnya, menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penyatuan</li> <li>• Memupuk perasaan muhibbah dan semangat perpaduan melalui aktiviti sukan serta program kebudayaan</li> <li>• Selain itu, melalui penghayatan Rukun Negara.</li> <li>• Di samping itu, melalui amalan hormat-menghormati dan tolong-menolong.</li> </ul>
<p><b>Kecemerlangan Hubungan Luar Negara</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan hak untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain.</li> <li>• Hubungan ini dibentuk melalui dasar luar negara kita.</li> <li>• Kepentingannya ialah dapat mengadakan perjanjian dan kerjasama.</li> <li>• Mengukuhkan keselamatan dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara.</li> <li>• Meningkatkan imej negara dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.</li> <li>• Kesannya, masyarakat antarabangsa mengakui kebolehan negara kita setaraf dengan negara lain di dunia.</li> </ul>


Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

15. Apakah kepentingan kedaulatan dalam melaksanakan dasar sosial untuk negara? (Buku teks m.s 11)
- I. Meningkatkan imej negara
  - II. Memupuk perasaan muhibbah
  - III. Menjamin kesejahteraan rakyat
  - IV. Menjalinkan hubungan diplomatik
- A. I dan II                      **C. II dan III**  
B. I dan IV                      D. III dan IV

#### 1.4 : LANGKAH MEMPERTAHANKAN NEGARA

16. Apakah peranan penting yang perlu dimainkan oleh pemerintah dan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara? (Buku teks m.s 12)
- A. Galakan pemerintah dan rakyat
  - B. Bantuan pemerintah dan rakyat
  - C. Sokongan pemerintah dan rakyat
  - D. Kerjasama pemerintah dan rakyat**
17. Peranan pemerintah dan rakyat mempertahankan kedaulatan negara



18. Mewujudkan Kestabilan Politik & Kemakmuran Ekonomi

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR

Pemerintah	Rakyat
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan pentadbiran yang cekap</li> <li>• Tidak mengamalkan rasuah</li> <li>• Sumber kekayaan diagihkan secara adil</li> <li>• Pelaksanaan undang-undang secara berkesan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taat setia kepada raja dan negara</li> <li>• Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan</li> <li>• Mewujudkan kestabilan politik</li> <li>• Memupuk kerjasama kaum</li> <li>• Mematuhi undang-undang negara</li> </ul>

### 19. Mengekalkan Perpaduan Kaum

Pemerintah	Rakyat
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggubal dasar berkaitan perpaduan kaum</li> <li>• Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan bahasa, pendidikan dan kebudayaan</li> <li>• Merangka program serta kempen memupuk integrasi nasional</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan bahasa kebangsaan</li> <li>• Menghayati prinsip Rukun Negara</li> <li>• Menghormati agama dan budaya pelbagai kaum</li> <li>• Mengamalkan semangat toleransi</li> <li>• Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan</li> </ul>

### 20. Memupuk Patriotisme

Pemerintah	Rakyat
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan</li> <li>• Mewajibkan mata pelajaran Sejarah</li> <li>• Menganjurkan kempen atau program</li> <li>• Menerbitkan filem atau rencana</li> <li>• Memberi pengiktirafan kepada rakyat yang berjasa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghormati lambang negara</li> <li>• Meningkatkan imej negara</li> <li>• Menyertai kempen atau program</li> <li>• Menghargai jasa tokoh negara</li> </ul>

### 21. Mengukuhkan Pertahanan Negara

Pemerintah	Rakyat
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggubal dasar untuk melindungi keselamatan negara</li> <li>• Mengadakan perjanjian keselamatan dengan negara serantau dan antarabangsa</li> <li>• Memodenkan aset ketenteraan</li> <li>• Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peka terhadap isu keselamatan negara</li> <li>• Tidak bekerjasama dengan anasir luar</li> <li>• Menganggotai pasukan keselamatan dan sukarelawan</li> <li>• Sanggup berkorban mempertahankan negara</li> </ul>

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR



22. Mengapakah hubungan pemerintah dan rakyat penting untuk mengekalkan kedaulatan negara? [4 markah]

- *Tanggungjawab bersama*
- *Memastikan keselamatan negara*
- *Mewujudkan hubungan yang erat*
- *Menjamin kestabilan politik*

**(Mana-mana munasabah)**

----- TAMAT BAB 1 -----

Disediakan Oleh:

Pn Siti Norkamisa@Siti Nurwahidah Binti Che Harun, SMK SERI MUTIARA, CHERAS, KUALA LUMPUR